



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

4 Mac 2016

## **Kenyataan Media Berhubung Pembentangan Laporan Akhir Pengauditan Ketua Audit Negara Terhadap 1MDB**

- 1) Hari ini, Ketua Audit Negara membentangkan Laporan Akhir Terhadap Pengauditan 1MDB kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia dan memaklumkan kepada PAC bahawa Laporan Akhir berkenaan diklasifikasikan sebagai dokumen rahsia rasmi dibawah Akta Rahsia Rasmi 1972.
- 2) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia akur serta memahami keperluan dan tindakan yang diambil Jabatan Audit Negara (JAN) bagi mengklasifikasikan Laporan Akhir Ketua Audit Negara Terhadap Pengauditan 1MDB sebagai dokumen rahsia rasmi dibawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Ketua Audit Negara mempunyai kuasa perundangan untuk berbuat demikian bagi menjaga kredibiliti dan integriti jabatan itu.
- 3) Keputusan Jabatan Audit Negara ini, dilakukan berikutan ada maklumat dalam Laporan Interim Terhadap Pengauditan 1MDB yang dibentangkan kepada PAC pada Julai lalu, dibocorkan pihak tidak bertanggungjawab secara berpilih bagi mencetuskan laporan negatif sehingga menjaskan kredibiliti Jabatan Audit Negara dan Jawatankuasa ini sendiri.
- 4) Sebagai sebuah jawatankuasa ditubuhkan di bawah Parlimen Malaysia, adalah menjadi keperluan untuk wujudnya pematuhan dan akauntabiliti serta menghormati peruntukan undang-undang yang turut digubal institusi yang sama.

- 5) Sehubungan itu, PAC akan meneliti laporan akhir ini berserta dengan 10 prosiding terdahulu yang diadakan bagi melengkapkan Laporan PAC berhubung Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebelum dibentangkan ke Dewan Rakyat nanti.
- 6) Rakyat tidak perlu bimbang dan harus yakin dengan syor serta rumusan Laporan PAC berhubung Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1MDB yang dibentangkan ke Dewan Rakyat nanti kerana ia dibuat oleh ahli-ahli PAC terdiri daripada parti Barisan Nasional (BN) dan pembangkang.
- 7) Setelah Laporan PAC berhubung Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1MDB ini dibentangkan ke Dewan Rakyat, terpulang kepada Ketua Audit Negara membuat keputusan sama ada perlu untuk membatalkan arahan dokumen rahsia rasmi ke atas Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Pengauditan 1MDB.
- 8) PAC berharap Laporan berhubung Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1MDB ini akan dapat dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat kali ini.

Yang Berhormat Dato' Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia